



25.6.2019

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

PAIP UTAMA PECAH DI LOJI RAWATAN AIR SUNGAI DUA: BEKALAN AIR KEPADA SEMUA PENGGUNA AKAN MULA PULIH DARI JAM 3.00PM HARI INI

- **Saluran paip air bersih 1100mm pecah jam 5.30 petang semalam. Modul rawatan air Paket 10 dan Paket 11 dihenti tugas.**
- **Kejadian ini menyebabkan tekanan air rendah atau gangguan bekalan air tidak berjadual di kawasan tertentu yang menjaskan kira-kira 200,000 pengguna air berdaftar.**
- **KPI SPAN untuk gangguan bekalan air tidak berjadual melibatkan paip berdiameter melebihi 600mm ialah 48 jam. Kakitangan PBAPP bekerja keras agar bekalan air pulih dalam tempoh 24 jam.**

PULAU PINANG, Selasa, 25.6.2019: Bekalan air kepada kira-kira 200,000 pengguna air di Seberang Prai Tengah, Seberang Prai Selatan dan selatan Pulau Pinang dijangka pulih secara berperingkat mulai jam 3.00 petang hari ini.

Pengguna-pengguna berkenaan mengalami tekanan air rendah atau gangguan bekalan air berikutan insiden paip utama pecah di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua, LRA terbesar di Pulau Pinang.

Pada jam 5.30 petang semalam, saluran paip air bersih bawah tanah 1100mm di LRA pecah. Modul rawatan air Paket 10 dan Paket 11 terpaksa dihenti tugas untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan.



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs



Kejadian ini mengakibatkan pengeluaran LRA menurun sebanyak 21.5% (kira-kira 230 juta liter sehari atau MLD), sehingga menjelaskan perkhidmatan bekalan air.

Kakitangan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) menjalankan kerja-kerja pembaikan kecemasan segera.

Walau bagaimanapun, saluran paip yang rosak berada kira-kira 3 meter di bawah permukaan jalan bersebelahan struktur bangunan. Kerja-kerja pengorekan yang berhati-hati perlu dilakukan untuk mencari dan mengasingkan bahagian saluran paip yang rosak tanpa menyebabkan kerosakan lanjut kepada saluran paip dan bangunan.

Berikut pengorekan, kerja-kerja dijadualkan seperti berikut:

1. 1.00 pagi - 5.00 pagi:
Kerja pembaikan bawah tanah pada saluran paip 1100mm, termasuk pemotongan, kimpalan dan palam semula saluran paip untuk memastikan ia kalis air.
2. 5.00 pagi - 11.00 pagi:
Mengtauliah semula modul rawatan air Pakej 10 dan Pakej 11 yang terpaksa ditutup kerana paip pecah.
3. 3.00 petang dan seterusnya:
Memulihkan bekalan air kepada semua pengguna yang terjejas di Seberang Prai Tengah, Seberang Prai Selatan dan Pulau Pinang secara berperingkat.

PBAPP memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang berlaku. Bagaimanapun, harap maklum ini adalah gangguan bekalan air tidak berjadual.

Sila juga ambil perhatian bahawa petunjuk prestasi utama (KPI) Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bagi gangguan bekalan air tidak berjadual yang melibatkan paip berdiameter melebihi 600mm ialah 48 jam. Dalam kes ini, kakitangan PBAPP bekerja keras untuk memulihkan bekalan air dalam tempoh 24 jam.

Terima kasih.



Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my